



Ketidaksamaan dan Globalisasi

KAJIAN Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mendapati ketidaksamaan merosakkan pertumbuhan ekonomi, sekali gus kajian itu menyokong pandangan ahli ekonomi Keynesian, Joseph Stiglitz, dan dengan itu, menyangkal teori puak sayap kanan bahawa pengagihan semua pendapatan adalah gagal dengan sendirinya. Organisasi yang beribu pejabat di Washington itu menyatakan negara yang tahap tinggi ketidaksamaan mengalami pertumbuhan rendah berbanding dengan negara yang pendapatan diagihkan lebih seimbang. IMF juga memberikan amaran bahawa ketidaksamaan juga menyebabkan pertumbuhan lebih turun naik dan mewujudkan keadaan tidak stabil untuk keperluan tiba-tiba dalam pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Kertas IMF itu ditulis oleh Jonathan Ostry, Andrew Berg dan Charalambos Tsangarides, dan dipetik oleh *The Guardian* dalam keluaran akhir Februari 2014, "*IMF Study Finds Inequality is Damaging to Economic Growth*," muncul selepas beberapa tahun debat hangat tentang laluan yang diambil oleh ekonomi negara maju dan negara membangun sejak keruntuhan kewangan, sama ada pemulihan negara berkenaan adalah mapan atau sebaliknya.

Pada awal Jun 2015, John Schmitt menulis dalam laman Web Agenda Forum Ekonomi Dunia (World Economic Forum - WEF), "*Why Income Inequality is Bad for Growth*," memberikan penghargaan kepada Organisasi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) kerana menerima secara

keseluruhannya idea bahawa ketidaksamaan pendapatan yang tinggi dan melebar kemungkinan besar buruk terhadap pertumbuhan. Schmitt merujuk laporan OECD yang diterbitkan pada Mei tahun itu, *In It Together: Why Less Inequality Benefits Us All* yang mendapati bahawa "Analisis ekonometrik menunjukkan bahawa ketidaksamaan pendapatan mempunyai impak negatif yang agak besar dan signifikan dari segi statistik terhadap pertumbuhan."

Laporan itu, seperti yang dipetik oleh Schmitt, mendapati bahawa antara tahun 1990 hingga tahun 2010, KDNK per orang di 19 buah negara teras OECD tumbuh 28 peratus, tetapi akan tumbuh 33 peratus sepanjang tempoh yang sama jika ketidaksamaan tidak meningkat selepas tahun 1985. Anggaran ini berdasarkan analisis ekonometrik 31 buah negara pendapatan tinggi dan pendapatan sederhana OECD, yang merumuskan bahawa merendahkan ketidaksamaan dengan hanya satu "titik Gini" (ukuran piawai ketidaksamaan yang digunakan oleh ahli ekonomi) akan menaikkan kadar pertumbuhan tahunan KDNK sebanyak 0.15 titik peratusan.

OECD percaya bahawa ketidaksamaan dari aspek akses terhadap pendidikan merupakan faktor penting di balik hubungan ketidaksamaan dengan

pertumbuhan. Menurut OECD, "Satu saluran penting yang menerusinya ketidaksamaan secara negatif menjejaskan prestasi ekonomi adalah melalui peluang pelaburan yang rendah (terutamanya dalam pendidikan) segmen termiskin penduduk." Kesimpulan ini berdasarkan pemerhatian bahawa kanak-kanak dalam keluarga pendapatan rendah ketinggalan jika dibandingkan dengan kanak-kanak dalam keluarga pendapatan tinggi berhubung dengan pencapaian pendidikan (ijazah yang diperoleh dan tahun-tahun) di sekolah dan berhubung dengan skor ujian antarabangsa celik angka serta celik huruf.

Hubungan ini wujud di semua negara yang dikaji, tetapi jurang hasil pendidikan antara kaya dengan miskin lebih besar apabila ketidaksamaan adalah tinggi, menunjukkan tahap tinggi ketidaksamaan dibesarkan oleh kekurangan yang dihadapi kanak-kanak miskin. Seperti yang dicatatkan dalam laporan OECD: "Ketersediaan pendapatan menentukan secara signifikan peluang pendidikan dan mobiliti sosial."

Sejak beberapa tahun belakangan ini, sebahagiannya kerana kemelesetan ekonomi global, maka beberapa orang ahli ekonomi, antaranya Stiglitz, Penerima Hadiah Nobel Ekonomi dan Thomas Piketty, semakin memberikan perhatian terhadap ketidaksamaan. Stiglitz menulis buku, *The Price of Inequality: How Today's Divided Society Endangers Our Future*, manakala Piketty dengan *Capital in the Twenty-First Century* - kedua-dua

"Ketersediaan pendapatan menentukan secara signifikan peluang pendidikan dan mobiliti sosial."



Jonathan Ostry



Charalambos Tsangarides



Andrew Berg

buku ini pernah diulas dalam *Dewan Ekonomi*. Walau bagaimanapun, sebenarnya sejak lebih awal lagi ketidaksamaan menjadi tumpuan ahli ekonomi dan ahli sains sosial lain termasuk dari Malaysia.

Michael Spence yang menulis untuk *Project Syndicate*, "*Good and Bad Inequality*" pada akhir Ogos 2014, menegaskan bahawa ketidaksamaan pendapatan dan kekayaan yang meningkat di banyak negara di seluruh dunia merupakan aliran jangka panjang sejak tiga dekad atau lebih. Namun begitu, perhatian diberikan terhadap peningkatannya dengan ketara sejak krisis kewangan tahun 2008, iaitu dengan pertumbuhan perlahan, ketidaksamaan yang meningkat semakin dirasai.

Menurut Spence, teori "lama" tentang ketidaksamaan ialah bahawa pengagihan semula menerusi sistem cukai melemahkan insentif dan menjejaskan pertumbuhan ekonomi, tetapi hubungan antara ketidaksamaan dengan pertumbuhan jauh lebih kompleks dan multidimensi berbanding dengan cadangan tukar ganti mudah ini. Beliau mengemukakan contoh Amerika Syarikat dan China yang merupakan ekonomi utama tumbuh dengan pantas pada hari ini. Kedua-duanya sama tinggi dan meningkatkan tahap ketidaksamaan pendapatan.

"Meskipun kita sepatutnya tidak membuat kesimpulan daripada keadaan ini bahawa

pertumbuhan dan ketidaksamaan, sama ada tidak berkait ataupun berkait secara positif, iaitu kenyataan tegas bahawa ketidaksamaan adalah buruk terhadap pertumbuhan tidak benar-benar sejajar dengan fakta ini," tulis Spence. "Tambahan pula," hujah beliau, "dari segi global, ketidaksamaan jatuh kerana negara membangun makmur, meskipun ketidaksamaan meningkat di banyak negara maju dan negara membangun."

Selain hubungan antara ketidaksamaan dengan pertumbuhan, hubungan ketidaksamaan dengan globalisasi juga mendapat perhatian. IMF dalam *World Economic Outlook*, Oktober 2007, muncul dengan "Bab 4: *Globalization and Inequality*," yang "memeriksa hubungan antara kelajuan pesat perdagangan dengan globalisasi kewangan dan kenaikan ketidaksamaan pendapatan yang diperhatikan di kebanyakan negara sepanjang dua dekad lalu."

Analisis ini mendapati bahawa kemajuan teknologi mempunyai impak yang sangat besar berbanding dengan globalisasi terhadap ketidaksamaan. Impak keseluruhan terhadap globalisasi mencerminkan dua kecenderunganimbangan, iaitu sementara globalisasi perdagangan adalah berkait dengan pengurangan ketidaksamaan, globalisasi kewangan, dan pelaburan langsung asing terutamanya berkait dengan peningkatan ketidaksamaan.

Bab tersebut memberikan sumbangan seterusnya kepada kajian globalisasi dengan memeriksa implikasi terhadap ketidaksamaan dan agihan pendapatan dalam negara, dengan tumpuan terhadap pasaran sedang muncul dan negara membangun. Menurut bab itu, wujud dua sudut pandangan tentang kesan agihan globalisasi, iaitu pertama, aliran pemikiran yang menegaskan globalisasi membawa kepada peningkatan arus pendapatan, yang menaikkan semua bot.

Dengan itu, kumpulan pendapatan rendah bahkan muncul sebagai pemenang daripada globalisasi secara mutlak. Pandangan optimis ini selari hipotesis (Simon) Kuznets daripada kepastiaan pembangunan yang mencadangkan bahawa meskipun ketidaksamaan mungkin meningkat pada fasa permulaan pembangunan perindustrian, keadaan ini akhirnya merosot kerana peralihan negara kepada perindustrian telah lengkap.

Satu aliran pemikiran lagi yang berbeza berhujah bahawa meskipun globalisasi mungkin meningkatkan pendapatan secara keseluruhan, manfaatnya tidak dikongsi secara sama rata dalam kalangan warganegara di sesebuah negara, dengan pihak yang tewas yang jelas dari segi relatif, bahkan mungkin dari segi mutlak. Tambahan pula, ketidaksetaraan pendapatan yang melebar mungkin bukan hanya meningkatkan keprihatinan kebajikan dan sosial, tetapi mungkin juga had pemacu pertumbuhan kerana peluang yang diwujudkan oleh proses yang diwujudkan oleh globalisasi mungkin tidak dieksploitasi sepenuhnya. Kemapanan globalisasi juga akan bergantung pada pengkalian yang luas seluruh penduduk, yang boleh terjejas dengan teruk oleh ketidaksamaan yang meningkat.

Dalam soal kekayaan dan pendapatan, orang cenderung membandingkan diri mereka dengan orang di sekeliling mereka dan bukannya dengan orang lain di dunia. Misalnya orang Malaysia membandingkan diri mereka dengan orang Malaysia yang lain. Namun begitu, apabila berfikir tentang ketidaksamaan, hujah Francois Bourguignon, "juga ada erti untuk mendekati dunia sebagai komuniti tunggal" dengan mengemukakan perakaunan bukan hanya untuk perbezaan taraf hidup di sesebuah negara, tetapi juga antara golongan kaya di sebuah negara dengan golongan miskin di sebuah negara lain.

Bourguignon yang menulis dalam *Foreign Affairs*, Januari/Februari 2016, "*Inequality and Globalization*," menegaskan apabila melihat dunia menerusi lensa ini, beberapa aliran yang ketara begitu menonjol. Pertamaanya, ketidaksamaan global melebihi secara lebih besar ketidaksamaan dalam mana-mana negara. "Perhatian ini sepatutnya tidak memeranjatkan kerana ketidaksamaan global mencerminkan perbezaan yang besar dalam kekayaan antara negara dengan negara miskin di dunia, bukan hanya perbezaan dalam negara itu sendiri."

Tulis Bourguignon lagi, "Sejak tahun 2000, ketidaksamaan global merosot secara ketara, tetapi ketidaksamaan dalam setiap negara meningkat. Walau bagaimanapun, ketidaksamaan ini sebahagiannya mengimbangi kemerosotan ketidaksamaan dalam kalangan negara. Untuk mengurangkan aliran ini, negara sepatutnya meneruskan dasar yang bertujuan untuk



Joseph Stiglitz



Thomas Piketty

mengagihkan semula pendapatan, memperkukuh kawal selia pasaran buruh dan pasaran kewangan, serta membangunkan pengaturanan antarabangsa yang mencegah firma daripada mengelakkan cukai dengan mengalih aset atau operasi mereka ke sebarang laut."

Seterusnya Bourguignon menyatakan bahawa ahli ekonomi pada amnya bersetuju bahawa awal akhir koefisien Gini sekitar 0.70 antara tahun 2008 hingga tahun 2010. Kemerosotan ketidaksamaan global sebahagian besarnya hasil penumpuan ekonomi negara membangun, terutamanya China dan India, dengan negara dunia maju.

Pada dekad pertama abad ini, ekonomi melambung di Amerika Latin dan Afrika Sub-Sahara juga membantu memacu aliran ini. Meskipun ketidaksamaan antara negara merosot, ketidaksamaan dalam setiap negara meningkat, iaitu secara purata, lebih dua titik peratusan dari segi koefisien Gini antara tahun 1990 hingga tahun 2010.

Negara yang mempunyai ekonomi besar khususnya bertanggungjawab terhadap aliran ini, terutamanya Amerika Syarikat, dengan koefisien Gini meningkat sebanyak lima titik peratusan antara 1990 hingga 2013, juga China dan India, dan pada takat tertentu, kebanyakan negara Eropah, antaranya Jerman dan negara Scandinavia. Namun begitu, ketidaksamaan dalam negara meningkat tidak cukup pantas untuk mengimbangi kemerosotan pantas ketidaksamaan dalam kalangan negara.

Kemajuan teknologi mempunyai impak yang sangat besar berbanding dengan globalisasi terhadap ketidaksamaan.

Orang cenderung membandingkan diri mereka dengan orang di sekeliling mereka dan bukannya dengan orang lain di dunia.



Jadual Petunjuk Ketidaksamaan MS (MSII).

	Petunjuk Ketidaksamaan MS (MSII)	Koefisien Gini	Sebaran upah	Rangkuman tempat kerja	Status kesihatan	Akses digital
Portugal	1	4	4	10	4	3
Itali	2	7	10	3	18	1
Greece	3	3	6	14	14	2
Sepanyol	4	6	9	4	16	5
AS	5	1	1	19	6	14
Jerman	6	13	5	8	5	11
Australia	7	8	11	3	13	9
Austria	8	16	8	13	2	7
Ireland	9	11	14	2	17	6
Kanada	10	9	7	7	15	13
Poland	11	12	18	5	12	4
UK	12	2	3	20	11	16
Jepun	13	5	2	11	20	15
Perancis	14	10	12	6	19	8
Switzerland	15	14	16	9	8	12
Belgium	16	18	19	16	3	10
Belanda	17	15	13	12	9	19
Finland	18	19	15	17	3	17
Sweden	19	17	17	15	7	18
Norway	20	20	20	18	10	20

Sumber: Morgan Stanley; dipetik daripada Joe Myers, Web Agenda WEF.

Bourguignon juga mendapati bahawa peningkatan ketidaksamaan dalam negara berpunca daripada globalisasi. Menurut beliau, oleh sebab firma dari negara maju memindahkan pengeluaran mereka di seberang laut pada dekad 1990-an, ekonomi Asia sedang muncul, terutamanya China, mula bertempu dengan negara ekonomi maju. Akibat keadaan melambung mencetuskan pertumbuhan yang lebih pantas di Afrika dan Amerika Latin kerana permintaan terhadap komoditi meningkat. Sementara itu, di dunia maju, oleh sebab firma pembuatan menyumberluarkan sesetengah pengeluaran mereka, maka keuntungan syarikat meningkat, tetapi upah benar buruh tidak mahir jatuh.

Untuk mengekalkan momentum sebalik kemerosotan ketidaksamaan global, menurut Bourguignon, semua negara perlu bekerja keras untuk mengurangkan ketidaksamaan dalam sempadan mereka atau sekurang-kurangnya mencegah ketidaksamaan terus meningkat. Dari segi praktis, negara sepatutnya berusaha menyamakan taraf hidup dalam kalangan penduduk mereka dengan menghapuskan semua jenis diskriminasi etnik, gender, dan sosial, mengawal selia pasaran kewangan dan pasaran buruh, dan

Apabila mempertimbangkan penduduk dunia secara keseluruhan, koefisien Gini mencecah 0.70, suatu kadar yang tinggi, bahkan tidak ada negara setinggi itu.

melaksanakan dasar pencuciaan progresif. Oleh sebab mobiliti modal melembapkan keberkesanan dasar pencuciaan progresif, maka kerajaan juga perlu mendesak langkah antarabangsa yang meningkatkan ketelusan sistem kewangan.

Ahli ekonomi lazimnya mengukur ketidaksamaan pendapatan dengan menggunakan koefisien Gini, dengan julat daripada sifar dalam kes kesamaan sempurna kepada satu dalam kes ketidaksamaan sempurna. Di benua Eropah, koefisien Gini dikatakan cenderung jatuh antara 0.25 peratus hingga 0.30, di Amerika Syarikat, angkanya sekitar 0.40, dan negara yang paling tidak sama di dunia, seperti Afrika Selatan, dikatakan melebihi 0.60. Apabila mempertimbangkan penduduk dunia secara keseluruhan, koefisien Gini mencecah 0.70, suatu kadar yang tinggi, bahkan tidak ada negara setinggi itu.

Walaupun bagaimanapun, pada akhir November 2015, bagi menghitung petunjuk ketidaksamaan yang dikenali sebagai Petunjuk Ketidaksamaan MS (MSII), Morgan Stanley menggunakan pelbagai faktor, bergerak melampaui koefisien Gini yang biasa digunakan, dengan memasukkan ukuran sebaran upah, rangkuman tempat kerja, status kesihatan, dan akses digital. Kajian yang melibatkan 20 buah ekonomi dunia maju.

Laporan Morgan Stanley menunjukkan negara Eropah Selatan dan Amerika Syarikat mempunyai tahap tinggi ketidaksamaan (rujuk jadual), tetapi memperkukuh pandangan tradisional bahawa ketidaksamaan rendah di negara Nordic, dengan Norway, Finland, dan Sweden yang dianggap masyarakat paling sama. Wujud perbezaan dapatan antara menggunakan koefisien Gini dengan MSII, misalnya United Kingdom, jika menggunakan koefisien Gini merupakan negara paling tidak sama, menduduki tempat kedua selepas Amerika Syarikat, sebaliknya menduduki tempat ke-12 mengikut MSII.

Sebenarnya pengenalan MSII oleh Morgan Stanley akan membantu ahli ekonomi dan pengubal dasar tentang ukuran ketidaksamaan pendapatan, di samping "melengkapkan" ukuran yang sedia ada yang lazim digunakan selama ini, iaitu koefisien Gini. Walau apa-apa pun ukuran yang digunakan, satu hal jelas, ketidaksamaan semakin mendapat perhatian, dan dengan itu, memperlihatkan usaha untuk mengurangkan jurang ketidaksamaan paling tidak antara penduduk di sesebuah negara. ●